

25/01/1998

Laporkan segera kenaikan harga

KUALA LUMPUR: Semua Ketua Wanita Umno diarah melaporkan segera kepada pihak berkuasa mengenai perbuatan pekedai dan pemborong menaikkan harga barangan keperluan.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata Wanita mesti bertindak sebagai pemerhati harga dan bekerjasama dengan wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam usaha membantu menangani kegawatan ekonomi negara.

Malah, katanya, Ketua Wanita terbabit perlu menggerakkan jentera pentadbiran di akar umbi untuk menyampaikan maklumat dan penerangan mengenai pentingnya berbelanja secara berhemat.

"Sebagai ketua, mereka tidak hanya terikat kepada aspek politik dan perpaduan ahli semata-mata, sebaliknya turut memainkan fungsi penting sebagai pemerhati kepada peniaga dan peruncit yang tidak bertanggungjawab.

"Ini kerana, wanita sering melakukan kegiatan membeli barangan keperluan dan sudah pasti mereka dapat mengesan kenaikan mendadak harga barangan.

"Jika ada, mereka perlu melaporkannya terus kepada pihak berkuasa kerana ia juga tanggungjawab mereka," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pergerakan itu di sini, semalam. Mesyuarat lebih empat jam itu turut dihadiri Naibnya, Datuk Napsiah Omar.

Siti Zaharah berkata, pergerakan itu juga akan bekerjasama dengan Kementerian berkenaan bagi menganjurkan ceramah mengenai usaha berjimat cermat.

Selain itu, katanya, Wanita Umno juga sedang menunggu kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) bagi penubuhan dana khas wanita yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan depan.

Menurutnya, buat permulaan, ahli pergerakan itu diminta melabur RM100 seorang secara sukarela ke dalam Pelaburan Ehsan Wanita berkenaan.

"Kita menganggarkan RM100 juta boleh dikumpulkan berdasarkan keahlian pergerakan ini yang mencecah 1.4 juta orang. Malah, apa yang istimewa, dana ini turut menawarkan pelbagai kemudahan seperti bantuan perniagaan selain dividen setiap tahun," katanya.

(END)